WIKIPEDIA

# Bahasa Hindi

हिंदी

**Bahasa Hindi** (हिन्दी *hindī*) ialah bahasa kebangsaan India. Bahasa Indo-Eropah ini merupakan sebahagian daripada kontinum dialek untuk famili bahasa Indo-Arya dan ditutur khususnya di India Utara, Tengah, dan Barat. Penggunaan bahasa Hindi tertumpu kepada kawasan-kawasan berikut:

- Panjābī, Sindhī, Gujarātī di barat dan barat laut;
- Marāthī di selatan;
- Orīyā di tenggara;
- Bengālī di timur; dan
- Nepālī di utara.

Melihatkan kepopularan bahasa Hindi, Perkhidmatan Dunia BBC (http://www.bbc.co.uk/hindi) memulakan Berita dalam bahasa Hindi (http://www.bbc.co.uk/hindi) pada tahun 1940.

| Boy Jus | |
|---|---|
| हिन्दी, हिंदी ***hindī*** | |
| **Asli di** | India |
| **Wilayah** | Asia Selatan |
| **Penutur asli** | 480 juta asli, 800 juta jumlah (*tiada tarikh*) |
| **Keluarga bahasa** | Bahasa Indo-Eropah<br>▪ Indo-Iran<br>▪ Indo-Aryan<br>▪ **Boy Jus** |
| **Sistem penulisan** | Skrip Devanagari |
| **Status rasmi** | |
| **Bahasa rasmi di** | India (Kesatuan kerajaan) |
| **Dikawal oleh** | Central Hindi Directorate [1] (http://hindinideshalaya.nic.in/hindi/indexhindi.html) |
| **Kod bahasa** | |
| **ISO 639-1** | `hi` |
| **ISO 639-2** | `hin` |

र्वि→र्वि **Laman ini mengandungi teks Indic**. Tanpa menjadikan sokongan anda mungkin melihat vokal janggal berposisi dan kekurangan bergabung. Lebih...

## Isi kandungan



## Asal-usul

Asal-usul perkataan "Hindi" mungkin merupakan perkataan bahasa Sanskrit *Sindhu* (सिन्धु). Orang Zoroaster yang pernah menjadi jiran India menyebut "Sindhu" sebagai "Hindu" dalam bahasa Avesta mereka, sebagai rujukan kepada orang yang tinggal berdekatan atau di seberang Sungai Sindhu River, maka tempat tinggal mereka digelar "Hindustan". Perkataan Sanskrit Sindhu dalam bentuk bahasa Avestanya *Hindu* (bagi orang India), *Hind* (bagi negara India) dan *Hindi* (bagi bahasa India) diturunkan kepada bahasa-bahasa Iran moden seperti bahasa Farsi dan Pahlavi.

Dalam konteks moden, perkataan *Hindī* merangkumi *Hind* "India", dan akhiran adjektif *ī*. Maka *Hindī* diterjemah sebgai "(berkeperihalan) India". Dalam zaman sekarang, *Hindī* dalam erti sedemikian kian kurang diterima; sebaliknya maksudnya hanya merupakan bahasa yang membawa nama ini.[1]


# Fonologi

Terdapat lebih kurang 11 bunyi vokal dan 35 konsonan dalam bahasa Hindī baku, seperti yang berikut:

**Nota**: Laman ini mengandungi simbol fonetik IPA dalam Unikod. Lihat carta IPA untuk bahasa Inggeris untuk kunci sebutan.

## Vokal

Bunyi-bunyi vokal bahasa Hindi, amsing-masing besertakan simbol Devanagari tunggal, tanda diakritik dengan huruf konsonan प (p), sebutan (vokal itu sendiri serta vokal yang menyusuli /p/) dalam IPA, simbol IAST yang setara dan bunyi yang setara dalam bahasa Melayu (melainkan dinyatakan) adalah seperti beikut:




| Huruf | Tanda diarkitik dengan प | Sebutan | Sebutan dengan /p/ | Persamaan IAST | Huraian |
|---|---|---|---|---|---|
| अ | प | /ə/ | /pə/ | a | seperti *e* dalam ***e**nam*; lazimnya vokal pendek |
| आ | पा | /ɑː/ | /pɑː/ | ā | seperti *a* dalam *f**a**ther* (bahasa Inggeris); vokal panjang dihasilkan dari belakang mulut |
| इ | पि | /i/ | /pI/ | i | seperti *i* dalam *b**i**mbang*; vokal pendek |
| ई | पी | /iː/ | /piː/ | ī | seperti *i* dalam *k**i**rim*; vokal panjang |
| उ | पु | /u/ | /pu/ | u | seperti *u* dalam *t**u**mpang*; vokal pendek |
| ऊ | पू | /uː/ | /puː/ | ū | seperti *u* dalam *lemb**u***; vokal panjang |
| ए | पे | /eː/ | /peː/ | e | seperti *e* dalam ***e**nak*; vokal panjang |
| ऐ | पै | /ɛː/ | /pɛː/ | ai | seperi fonem *e* di atas, tetapi dengan bibir lebih terbuka |
| ओ | पो | /oː/ | /poː/ | o | seperti *o* dalam *t**o**long*; vokal panjang |
| औ | पौ | /ɔː/ | /pɔː/ | au | seperti fonem *o* di atas, tetapi dengan bibir lebih terbuka |

## Nota tambahan bagi vokal

- Bunyi vokal buka-tengah hadapan tidak berbulat (/ɛ/: seperti fonem *ai* bahasa Hindi yang lebih pendek) mungkin merupakan alofon bersyarat bagi schwa. Maka, sebutan huruf vokal अ dada dua bentuknya. Apabila bunyi vokal ini diikuti oleh /h/ di tengah perkataan, atau mengelilingi /h/ di tengah perkataan, atau diikuti oleh /h/ di akhir perkataan, berlakunya perubahan alofon padanya menjadi /ɛ/ yang pendek. Dalam kes-kes lain ia menjadi schwa. Maka, perkataan-perkataan शहर, रहना, कह masing-masing disebut sebagai /ʃɛhɛr/, /rɛhnɑː/ dan /kɛh/ dan bukannya /ʃəhər/, /rəhənɑː/ dan /kəh/. ini juga berlaku dalam kata pinjaman dari bahasa Inggeris, yang mana kadang-kala simbol vokal baru ऍ dipakai (*candra*: पॅ). cth. "pen": पॅन.
- Bunyi vokal buka belakang berbulat (/ɒ/: seperti *o* dalam "h**o**t" dalam bahasa Inggerus), tidak wujud langsung dalam bahasa Hindi, melainkan kata pinjamana bahasa Inggeris. Dalam daftar ejaan, simbol baru ऑ (पॉ) direka untuk kes ini. Jika dimasukkan dalam fonologi bahasa Hindi, ini memjadikan vokal fonemik bahasa ini menjadi 11.
- Terdapat vokal tambahan yang dirangkumi dalam huruf Hindi, iaitu:
  - ऋ (asalnya dalam bahasa Sanskrit sebagai anggaran retrofleks sukuan berupa vokal), disebut dalam bahasa Hindi moden sebagai /ri/, hanya dipakai dalam kata pinjaman bahasa Sanskrit (पृ).
  - अं (*anusvāra*), disebut /əŋ/. Diakritiknya (titik di bahagian atas) digunakan untuk pelbagai tujuan, merangkumi penyengauan vokal, dan pewakilan konsonan-konsonan nasal /n/, /m/, /ɳ/, /ɲ/, /ŋ/ sebelum satu konsonan seterusnya. Ini menghasilkan ejaan alternatif bagi sesetengah perkataan. Contohnya, perkataan "Hindi" sendiri ada dua ejaan: हिन्दी dan हिंदी.
  - अः (*visarga*), disebut /əh/. Hanya digunakan dalam kata pinjaman bahasa Sanskrit (पः).
  - Diakritik अँ (*candrabindu*), tidak tersenarai secara rasmi dalam huruf-huruf, sering ditukar ganti dengan *anusvāra* untuk menandakan penyengauan vokal (पँ).

Pengguguran schwa pada akhir perkataan Hindi (bagi pinjaman Sanskrit) banyak menyusahkan orang asing yang belajar bahasa ini. Contohnya:

| Perkataan Hindi/Sanskrit | Transliterasi biasa | Sebutan Sanskrit | Sebutan Hindi | sebutan bahasa luar India |
|---|---|---|---|---|
| शिव—satu dewa | Shiva | /ɕiʋə/ | /ʃiʋ/ | /ʃiːvə/ |
| वरुण—satu dewa | Varuna | /ʋəruɳə/ | /ʋəruɳ/ | /vʌɹuːnə/ |
| वेद—suatu catatan | Veda | /ʋeːd̪ə/ | /ʋeːd̪/ | /veɪdə/ |
| राम—seorang wira | Rama atau Rāma | /rɑːmə/ | /rɑːm/ | /ɹɑːmə/ |
| कामसूत्र—panduan cinta | Kamasutra | /kɑːməsuːt̪rə/ | /kɑːmː suːt̪r̩/ atau /kɑːm suːt̪rə/ | /kɑːmə suːtɹə/ |
| अशोक—seorang maahraja | Ashoka atau Asoka | /əɕoːkə/ | /əʃoːk/ | /ʌsəʊkə/ |

## Konsonan

Bahasa Hindi mengandungi sistem konsonan yang besar dengan kira-kira 38 fonem berbeza. Bilangan tepat tidak dapat dihasilkan kerana kepelbagaian dialek setempat Hindi menonjolkan perbezaan dalam himpunan konsonannya. Perangkuman konsonan-konsonan asing ke dalam bahasa Hindi baku juga diperdebat. Teras tradisional sistem konsonan yang diwarisi daripada bahasa Sanskrit ini terdiri daripada satu matriks 20 plosif,

5 nasal, dan 8 sonoran/frikatif. sistem ini diisi lagi dengan 5 bunyi yang berasal daripada bahasa Farsi, tetapi sekarang dianggap sebagai bunyi Hindi. Jadual berikut memaparkan fonologi konsonan Hindi. Diingatkan bahawa segala konsonan nasal, kericauan, kibasan, anggaran dan anggaran lateral dalam bahasa Hindi dianggap sebagai konsonan bersuara.

| | **Bibir** | | **Bibir-gigi** | | **Gigi** | | **Alveolar** | | **Retrofleks** | | **Post-alveolar/ Lelangit** | | **Velum** | | **Uvula** | | **Peti Suara** | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Plosif (biasa)<br>Plosif (beraspirasi) | p<br>pʰ | b<br>bʰ | | | t̪<br>t̪ʰ | d̪<br>d̪ʰ | | | ʈ<br>ʈʰ | ɖ<br>ɖʰ | | | k<br>kʰ | g<br>gʰ | q | | | |
| Afrikat | | | | | | | | | | | ʧ<br>*or*<br>cɕ<br>ʧʰ<br>*or*<br>cɕʰ | ʤ *or*<br>ɟʝ<br>ʤʰ<br>*or*<br>ɟʝʰ | | | | | | |
| Nasal | m | | | | | | n | | (ɳ) | | (ɲ) | | (ŋ) | | | | | |
| Fricatives | | | f | | | | | | | | | | x | ɣ | (χ) | (ʁ) | (h) | ɦ |
| Sibilants | | | | | | | s | z | ʂ | | ʃ | | | | | | | |
| Kibasan | | | | | | | | | ɽ<br>ɽʰ | | | | | | | | | |
| Anggaran | | | ʋ | | | | ɹ | | | | j | | | | | | | |
| Anggaran lateral | | | | | | | l | | | | | | | | | | | |

25 konsonan hentian ini dibahagikan kepada lima kumpulan, yang mana setiap kumpulan ini berkongsi kedudukan lafazan yang sama. Kedudukan-kedudukan tersebut dalam susunan lazimnya ialah: velum, retrofleks, lelangit, gigi, dan bibir. Dalam setiap kedudukan ini, terdapat lima konsonan berbeza, dengan konsonan oral dan satu konsonan nasal. Konsonan oral ini terdiri daripada konsonan bersuara, beraspirasi, kedua-duanya, atau tiadanya sedemikian.

Jadual berikut menunjukkan penyenaraian lazim bagi konsonan-konsonan bahasa Hindi (dalam skrip Devanagari) besertakan persamaannya dalam bahasa Melayu/lain. Setiap konsonan yang ditunjukkan ini dianggap sebagai diikuti vokal neutral schwa (/ə/), dan dinamakan dalam jadual sedemikian. Persamaan rumi yang *biasanya* digunakan untuk mentranskripsi perkataan Hindi dalam *transliterasi kasual* turut diberi dalam baris kedua.

| Plosif | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | **Biasa Tidak bersuara** | **Kuat Tidak bersuara** | **Biasa Bersuara** | **Kuat Bersuara** | **Nasal** |
| Velum | क /kə/<br>k; ***k**ampung* | ख /kʰə/<br>kh; *k* yang kuat | ग /gə/<br>g; ***g**aram* | घ /gʰə/<br>gh; *g* yang kuat | ङ /ŋə/<br>n; *sia**ng*** |
| Lelangit | च /cɕə / *or* / tʃə/<br>ch; ***c**ermin* | छ /cɕʰə / *or* /tʃʰə/<br>chh; *ch* yang kuat | ज /ɟʝə / *or* / dʒə/<br>j; ***j**am* | झ /ɟʝʰə / *or* / dʒʰə/<br>jh; *j* yang kuat | ञ /ɲə/<br>n; *se**nj**a* |
| Retrofleks | ट /ʈə/<br>t; seperti "t" dalam ***t**eksi* dengan lidah digulung ke belakang | ठ /ʈʰə/<br>th; seperti "t" di atas, disebut dengan kuat | ड /ɖə/<br>d; seperti "d" dalam ***d**alam* dengan lidah digulung ke belakang | ढ /ɖʰə/<br>dh; seperti "d" di atas, disebut dengan kuat | ण /ɳə/<br>n; seperti "n" dalam ***n**uri* dengan lidah digulung ke belakang |
| Apiko-Dental | त /t̪ə/<br>t; ***t**eksi* | थ /t̪ʰə/<br>th; *t* yang kuat | द /d̪ə/<br>d; ***d**alam* | ध /d̪ʰə/<br>dh; *d* yang kuat | न /nə/<br>n; ***n**uri* |
| Bibir | प /pə/<br>p; ***p**using* | फ /pʰə/<br>ph; *p* yang kuat | ब /bə/<br>b; ***b**uat* | भ /bʰə/<br>bh; *b* yang kuar | म /mə/<br>m; ***m**ana* |

| Bukan plosif | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | **Lelangit** | **Retrofleks** | **Gigi/ Alveolar** | **Velum/ Peti suara** |
| Anggaran | य /jə/<br>y; ***y**ang* | र /rə/<br>r; ***r**ahang*; lidah digetarkan | ल /lə/<br>l;***l**ain* | व /ʋə/<br>v; antara "w" dan "v" |
| Frikatif | श /ʃə/<br>sh; ***sy**arat* | ष /ʂə/<br>sh; *sh* yang diretrofleks | स /sə/<br>s; ***s**ama* | ह /hə / atau / ɦə/<br>h; ***h**anya* |

Selain jadual huruf-huruf Hindi tradisional tadi, terdapat juga tiga gugusan konsonan: क्ष /kʃə/, त्र /t̪rə/ dan ज्ञ /gjə/ (sebutan yang diberi untuk bahasa Hindi). Selain itu, bunyi-bunyi dari bahasa-bahasa lain seperti bahasa Farsi dan Arab ditulis dengan tanda titik (*bindu* atau *nukta*) di bawah huruf yang paling hampir serupa bunyinya, namun huruf-huruf tersebut tidak terangkum dalam senarai tradisional. Kebanyakan penutur asli bahasa Hindi tidak menyebut bunyi-bunyi ini (kecuali /ɽ / dan / ɽʰ/), sebaliknya menggantikannya dengan bunyi paling hampir, seperti yang ditunjukkan di kolum ke-4 dalam jadual berikut.

| Bunyi tambahan | | | |
|---|---|---|---|
| **Lambang** | **Sebutan IPA dan Nama** | **Persamaan dalam bahasa lain** | **Sering diganti oleh:** |
| क़ | /qə/ plosif uvula tidak bersuara | ***Q***_ur'an_ | /k/ |
| ख़ | /xə/ frikatif velar tidak bersuara | ***kh***_idmat_ | /$k^h$/ |
| ग़ | /ɣə/ frikatif velar bersuara | ***gh***_azal_ | /g/ |
| ज़ | /zə/ frikatif alveolar bersuara | ***z***_oo_ | /ɟ / _or_ / dʒ/ |
| य़ | /ʒ/ frikatif postalveolar bersuara | _bon**j**our_ (bahasa Perancis) | /dʒ/ |
| ड़ | /ɽə/ kibasan retrofleks tidak beraspirasi | serupa dengan perkataan bahasa Inggeris _bu**tt**er_ yang disebut dengan longgar | |
| ढ़ | /$ɽ^h$ə/ kibasan retrofleks beraspirasi | serupa dengan ड़ tetapi lebih kuat | |
| फ़ | /fə/ frikatif bibir-gigi tidak bersuara | ***f***_aham_ | /$p^h$/ |

ड़ /ɽə/ dan ढ़ /$ɽ^h$ə/ bukanlah berasal daripada bahasa Farsi/Arab, sebaliknya merupakan variasi alofon bagi konsonan retrofleks bersuara ringkas dalam bahasa Sanskrit.

# Frasa-frasa penting

| Bahasa Melayu | Hindi (Transliterasi) | Hindi (Devanagari) |
|---|---|---|
| Hindi | [*Hindī*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan) | हिन्दी |
| Inggeris | [*Angrezī*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan) | अंग्रेज़ी |
| Melayu | [*Malāy*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan) | मलाय |
| Ya | [*Hān*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan) | हाँ |
| Anda | [*āp (kepada orang yang lebih tua/terhormat)*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan) | आप |
| Kamu | [*Tum (kepada kanak-kanak/orang yang lebih muda)*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan) | तुम |
| Kau | [*Tū (secara intim)*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan) | तू |
| Tidak | [*Nahīn*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan) | नहीं |
| Helo | [*Namaste*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan) | नमस्ते |
| Jumpa lagi | [*Namaste*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan), [*Alvidā*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan), [*Khudā Hāfiz*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan) | नमस्ते, अलविदा, ख़ुदा हाफ़िज़ |
| Apa khabar? | [*āp Kaisé Hain?*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan) | आप कैसे हैं? |
| Jumpa lagi | [*Phir Milengé*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan) | फिर मिलेंगे |
| Terima kasih | [*Dhanyavād*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan) | धन्यवाद |
| Maaf | [*Kshamā Kījiyé*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan), (juga *Māf Kījiyé*) | क्षमा कीजिये (माफ कीजिये) |
| Kenapa? | [*Kyon?*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan) | क्यों? |
| Siapa? | [*Kaun?*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan) | कौन? |
| Apa? | [*Kyā?*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan) | क्या? |
| Bila? | [*Kab?*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan) | कब? |
| Di mana? | [*Kahān?*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan) | कहाँ? |
| Bagaimana? | [*Kāisé?*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan) | कैसे? |
| Berapa? | [*Kitné?*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan) | कितने? |
| Saya tak faham. | [*Main samjha nahīn*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan) | मैं समझा नहीं |
| Tolong saya! | [*Meré maddath kījiyé* / *Sahāyatā kījié!*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan) | मेरी मदद कीजिये / सहायता कीजिये |
| Bolehkah anda berbahasa Inggeris? | [*Kyā āp angrezī bolté hain?*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan) | क्या आप अंग्रेज़ी बोलते हैं? |
| Pukul berapa? | [*Samay kyā hua?* / *kitné bajé hain?*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan) | समय क्या हुआ? / कितने बजे हैं? |
| Saya tak tahu | [*Mujhé nahīn pata*] error: {{lang}}: teks mempunyai penanda italik (bantuan) | मुझे नहीं पता |

## Rujukan

1. McGregor, R.S. (1993) *Oxford Hindi-English Dictionary*. Oxford University Press, USA. Reprint 2004. p. 1071.

## Bacaan tambahan

- Bhatia, Tej K *A History of the Hindi Grammatical Tradition*. Leiden, Nehterlands & New York, NY : E.J. Brill, 1987. ISBN 90-04-07924-6

## Pautan luar

- A compilation of Tools and Techniques for Hindi Computing (http://pratibhaas.blogspot.com/2006/01/blog-post_25.html)
- Request free Hindi Fonts and Devanagari Tools CD from Indian Government (http://labnol.blogspot.com/2005/06/free-software-tools-and-fonts-cd.html)
- A short introduction to Hindi grammar (http://www.it-c.dk/people/pfw/hindi/)
- Hindi Wiktionary (https://hi.wiktionary.org)
- History and Evolution of Hindi Language (http://charm.cs.uiuc.edu/~bhatele/history_hindi.htm) Extended resource compiled by Abhinav Bhatele, with phonological, morphological, and lexical development in Hindi, with many period extracts. (Accessed Mar 16, 2006).
- Ethnologue on Hindi (http://www.ethnologue.org/show_language.asp?code=HND)
- Generator for Hindi typographical filler text (http://www.lorem-ipsum.info/_hindi)
- Hindi Language Resources (http://www.cs.colostate.edu/~malaiya/hindilinks.html)
- Hindi documents and dictionary (http://sanskrit.gde.to/hindi)
- International Institute of Information Technologies IIIT (http://ltrc.iiit.net/showfile.php?filename=downloads/), online and downloadable dictionaries cross referenced in English for Hindi, Marathi, Punjabi, Bengali, Kannada, Telugu languages. Includes Classical Hindi Literature, writings of Meera, Suradas, Tulasidas, Premchand, Rahim et cetera.
- Online Itrans (http://www.aczone.com/itrans/online/) to generate Hindi/Devanagari output.
- Government of India website (http://www.goidirectory.nic.in)
- Official Unicode Chart for Hindi (PDF) (http://www.unicode.org/charts/PDF/U0900.pdf)
- writeKA English-to-Hindi Online Transliterator (http://www.writeka.com/hindi.html)
- Website of Microsoft to Provide Solutions for Hindi Language on net (http://www.bhashaindia.com)
- Windows Indic Script Support (http://www.bhashaindia.com/Developers/MSTech/indicsupport/index.aspx)
- How to enable Indic Language Support at OS level (http://www.bhashaindia.com/Developers/IndianLang/IndicScript/oslevel.htm?lang=en)
- Microsoft hindi IME keyboard हिन्दी कीबोर्ड (http://www.bhashaindia.com/Developers/IndianLang/TypingDnagari/dnpages.aspx#pl9)
- Romanized to Unicode Hindi transliterator (http://www.iit.edu/~laksvij/language/hindi.html)
- Wordanywhere.com (http://www.wordanywhere.com/) Hindi/Telugu/English translator
- Hindi English Dictionary (http://www.websters-online-dictionary.org/definition/Hindi-english/) from Webster's Online Dictionary (http://www.websters-online-dictionary.org) - the Rosetta Edition
- Virtual Hindi Keyboard (http://web.archive.org/20060503144905/mog.software.free.fr/Hindi/) Freeware




**Dengar rencana ini (4 bahagian) · (info)**

*Bahagian 1* · *Bahagian 2* · *Bahagian 3* · *Bahagian 4*

Fail audio dicipta daripada semakan semasa bertarikh 2006-03-05, dan tidak membayangkan penyuntingan rencana yang selepasnya bagi rencana ini. (Bantuan audio)

**Rencana bertutur lagi**



Wikipedia ***Bahasa Hindi***, ensiklopedia bebas




Wikibook mempunyai maklumat lanjut berkenaan topik: ***Bahasa Hindi***

---

Diambil daripada "https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Bahasa_Hindi&oldid=4374562"

**Laman ini kali terakhir disunting pada 22:33, 1 Julai 2018.**

Teks disediakan dengan Lesen Creative Commons Pengiktirafan/Perkongsian Serupa; terma tambahan mungkin digunakan. Lihat Terma Penggunaan untuk butiran lanjut.